

# Malaysia - Jepun dijangka tingkat hubungan dua hala

31 DEC 1993

LANGKAWI 30 Dis.— Malaysia dan Jepun dijangka meningkatkan lagi hubungan dua hala dalam sektor perdagangan, ekonomi dan pelancongan berikutan perbincangan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan tiga pemimpin korporat Jepun di sini, semalam.

Perdana Menteri yang berada di sini untuk lawatan peribadi selama dua hari membawa bersama beliau tiga tokoh berkenaan untuk bertukar-tukar pandangan mengenai banyak aspek.

Mereka ialah Pengerusi salah sebuah syarikat perdagangan raksasa Mitsui, K. Ejiri, Presiden Bank Industri Jepun, Y. Kurosawa dan Profesor I. Nakatani dari Universiti Hitotsubashi.

Selama berada di sini rombongan seramai kira-kira 15 orang dari Jepun itu dibawa melawat Taman Buaya di Teluk Datai, meninjau tempat penginapan dan lain-lain.

Rombongan itu juga di-

bawa melawat dan makan tengah hari di sebuah restoran yang dibina di tengah-tengah kawasan paya di Kuala Kisap, yang merupakan satu lagi tempat menarik di Langkawi iaitu Barn Thai Jazzaurant.

Perdana Menteri yang diiringi isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali berlepas pulang ke Kuala Lumpur dengan rombongan Jepun itu kira-kira pukul 4.00 petang ini.

Sementara itu Ketua Setiausaha Sulit Kanan kepada Perdana Menteri, Datuk Abdul Aziz Ismail memberitahu para pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, pertemuan dengan tokoh-tokoh korporat Jepun itu ialah untuk bertukar-tukar fikiran terutama mengenai perdagangan dan peluang-peluang ekonomi di kedua-dua negara.

Selain itu Perdana Menteri juga menerangkan

kepada mereka mengenai Langkawi dan potensinya sebagai pusat pelancongan di rantau ini, katanya.

"Inilah tujuan utama rombongan dari Jepun itu dibawa melawat ke Langkawi," jelasnya.

Menurut Abdul Aziz lagi, pertemuan semampama itu memang diadakan oleh Perdana Menteri dari semasa ke semasa bukan saja dengan tokoh daripada pelbagai sektor dari Jepun tetapi juga dari negara-negara lain.

Pertemuan juga diadakan di Kuala Lumpur atau semasa Perdana Menteri melawat ke luar negara, katanya.

Beliau berkata, pertemuan tidak semestinya dengan tokoh yang sama tetapi daripada pelbagai sektor.

Pertemuan itu juga kata Abdul Aziz, bertujuan mendapat pandangan daripada mereka bagi membantu kerajaan melaksanakan program pembangunan.